

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (52)

Tarikh : 18 Januari 2016

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "KENAPA ANAK TIDAK DIBERIKAN KEWARGANEGARAAN SEDANGKAN IBU MEMPUNYAI KEWARGANEGARAAN" BERTARIKH 13 JANUARI 2016, – M.S: 3

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik S. Sathiamoorthy, Pengerusi Persatuan Kebajikan Agama Klang berkenaan Puan Suppulethumi a/p Kalimuthu yang masih gagal untuk memegang Kad Pengenalan Biru.

3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati Puan Suppulethumi a/p Kalimuthu pernah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan pada tahun 2009 dan keputusan permohonan tersebut tidak berjaya yang telah dimaklumkan melalui surat bertarikh pada 21.07.2010.

4. Sehubungan dengan itu, JPN mengesyorkan Puan Suppulethumi a/p Kalimuthu supaya hadir ke JPN berhampiran bagi mengemukakan permohonan baru di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)